



# PERANAN HADIS DAIF DALAM MENENTUKAN MAKNA HADIS: TINJAUAN KE ATAS HURAIAN TERPILIH DARIPADA KITAB SYARAH

(The Role of Weak Hadith in Determining the Meaning of Hadith: A Literature Review on Selected Interpretation from Commentary Books)

Ahmad Izzuddin Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

## Abstract

*Scholars have different opinions on the function of weak hadith in the construction of law. Thus, the question about its usage in determining the meaning of a hadith arises. This is due to the existence of an agreed method that explains a hadith based on relevant hadiths. This study will look at the practice of authoritative sources of commentaries books in understanding every matter that is attributed to the Prophet SAW. It used a qualitative approach with the methodology of content analysis. The findings show that the usage of weak hadith at least plays two roles. First, the weak hadith serves to weight one of many conflicting hadith's meaning along with other Islamic legal text. Secondly, it becomes evidence for a meaning that has probability or ihtimāl in a hadith that it may convey. There are three conditions that have been set for the hadiths that can be used. First, it cannot be categorized as very weak. Second, the meanings of the hadith are stated by other evidence. Third, the meaning of the hadith does not contradict the hadith that is in a higher status.*

**Kata Kunci:** *Weak Hadith, Very Weak Hadith, Hadith Commentaries, Hadith Commentary Books.*

## Article Progress

Received: 15 November 2021  
Revised: 24 November 2021  
Accepted: 30 November 2021

\*Corresponding Author:  
Ahmad Izzuddin Abu Bakar.  
Fakulti Pengajian Quran  
dan Sunnah, USIM.  
Email:  
izzuddin@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Hadis daif atau lemah adalah hadis yang tidak mencapai tahap hadis-hadis yang boleh diterima sebagai hujah (*maqbul*). Terdapat empat jenis hadis *maqbul* iaitu: (1) Sahih atau Sahih Lizātihī; (2) Sahih Liġayrihī; (3) Hasan atau Hasan Lizātihī dan (4) Hasan Liġayrihī. Kedudukannya dalam pensyarian hukum menjadi perdebatan di kalangan sarjana. Terdapat beberapa pandangan di mana ada yang melarang secara mutlak, ada yang mengharuskan secara mutlak dan ada yang mengharuskan secara bersyarat.

Pada masa yang sama, kaedah utama dalam menentukan makna sesuatu hadis ialah menghuraikannya berpandukan kepada hadis-hadis yang berkaitan. Oleh itu, timbul persoalan samada hadis daif boleh berperanan bagi tujuan tersebut. Artikel ini akan melihat praktik yang dilakukan oleh kitab-kitab syarah yang merupakan sumber primer yang berautoriti dalam memahami hadis.

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dari jenis analisis kandungan. Sumber-sumber yang merangkumi kitab-kitab syarah mahu pun kitab-kitab hadis akan dianalisis. Contoh-contoh akan dikemukakan sebagai bukti dapatan yang ditemui.

## APAKAH MAKSUD HADIS DAIF?

Untuk memahami hadis daif, perlu dijelaskan terlebih dahulu berkenaan hadis *Maqbul*. Dari sudut istilah, ia membawa erti hadis yang boleh diterima sebagai hujah. Terdapat empat jenis hadis *Maqbul*

iaitu: (1) Sahih atau Sahih Lizātihī; (2) Sahih Liġayrihī; (3) Hasan atau Hasan Lizātihī dan (4) Hasan Liġayrihī (al-Suyūṭī, 2005).

### 1. Sahih atau Sahih Lizātihī.

Hadis sahih mesti memenuhi lima syarat iaitu (1) Sanad Bersambung; (2) Perawi Yang *'adil*; (3) Perawi Yang Dabit; (4) Tidak Mengandungi *Ṣudūd* dan (5) Tidak Mengandungi *'Illah* (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān 2011).

Sanad yang bersambung merujuk kepada rantaian perawi yang bermula daripada perawi yang meriwayatkan sesuatu hadis sehingga sampai kepada Nabi SAW. Jika perawi tersebut adalah generasi *Tabi' Tabi'in*, sekurang-kurangnya mestilah dia mengambil hadis daripada guru di kalangan *Tabi'in*. *Tabi'in* itu pula mengambilnya daripada Sahabat dan seterusnya Nabi SAW (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān 2011).

Perawi yang *'adil* adalah perawi yang boleh dipercayai. Terdapat lima syarat yang telah digariskan. Perkara tersebut ialah Islam, baligh, berakal, tidak fasik yang bermaksud tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil dan yang terakhir ialah tidak mencemari kesopanan dan kesusilaan (Junāyd, 2006).

Perawi yang dabit adalah perawi yang menjaga hadis yang diambil daripada gurunya dengan baik. Jika dia menghafal, maka ingatannya mestilah baik. Jika dia mengambilnya daripada tulisan maka dia dikehendaki menjaga buku atau helaiannya ('Abd al-Karīm al-Ḥudayr, 2004).

*Ṣudūd* ialah riwayat seseorang perawi yang thiqat bercanggah dengan perawi yang lebih thiqat dan lebih dabit. Sebagai contoh, terdapat lima orang murid mendengar satu hadis daripada seorang guru. Matan yang diriwayatkan oleh seorang murid bercanggah sama sekali dengan matan yang diriwayatkan oleh rakan-rakannya. Dalam masa yang sama, empat orang rakan-rakannya lebih thiqat dan lebih dabit daripada dirinya dan bilangan mereka juga lebih ramai (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān 2011).

*'Illah* dari sudut bahasa bermaksud kecacatan. Dari sudut istilah, ia ditakrifkan sebagai 'sebab yang samar-samar lagi tersembunyi yang merosakkan kesahihan hadis sedangkan secara zahir hadis tersebut terselamat daripadanya' (Muṣṭafā Abū Zayd Maḥmūd 2013).

Terdapat dua elemen untuk membolehkan sesuatu kesalahan itu menjadi *'illah* iaitu tersembunyi dan merosakkan kesahihan hadis. Apabila kesalahan itu berada di dalam hadis yang sanadnya terdiri daripada perawi-perawi thiqat maka ia dikira sebagai tersembunyi. Ini kerana orang ramai akan berpegang dengan perawi seumpama ini sekaligus menimbulkan kesamaran khususnya imam-imam besar seperti al-Zuhri, Imam Malik dan sebagainya. Elemen merosakkan kesahihan diletakkan kerana terdapat kesalahan yang tidak mencapai tahap menjejaskan kedudukan hadis dan melemahkannya. Contohnya, percanggahan pada nama Sahabat. Perkara ini tidak merosakkan hadis kerana ia tidak mengeluarkan perawi itu daripada kategori Sahabat yang mana kesemua Sahabat disifatkan sebagai *'adil* (Muṣṭafā Abū Zayd, 2013).

### 2. Sahih Liġayrihī.

Hadis Sahih Liġayrihī adalah Hadis Hasan atau Hasan Lizātihī yang mempunyai sanad lain yang sama taraf dengannya atau lebih kuat sebagai sokongan dan penguat (*al-Āḍid*) (Ḥasan al-Ahdal 1999).

### 3. Hasan atau Hasan Lizātihī.

Syarat Hadis Hasan atau Hasan Lizātihī adalah seperti mana Hadis Sahih kecuali pada kedabitan perawi iaitu keadaan yang melibatkan syarat yang ketiga. Bagi Hadis Sahih, kedabitan perawi mesti berada

pada tahap yang baik dan sempurna. Jika kedabitan seseorang perawi sedikit berkurang maka hadis tersebut dikira sebagai Hadis Hasan (Ḥasan al-Ahdal 1999).

#### 4 Hasan Liḡayrihī.

Hadis Hasan Liḡayrihī ialah hadis daif yang bukan disebabkan perawi yang berbohong atau fasik dan disokong oleh sanad lain yang sama taraf atau lebih kuat. Kedaifan yang boleh diangkat ialah perawi yang buruk hafalan (*Sū' al-Ḥiz*) atau sanad terputus atau perawinya tidak diketahui (*Majhūl*) (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, 1996).

Kesimpulan daripada perbincangan di atas, mana-mana hadis yang tidak termasuk di dalam salah satu kategori *maqbul* maka ia boleh diklasifikasikan sebagai daif. Hal sedemikian disebabkan hadis daif merupakan lawan kepada hadis *maqbul*. Oleh sebab itu, al-Zarqānī (2004) mentakrifkannya sebagai hadis yang tidak mencapai tahap hadis *maqbul*. Takrif ini dianggap sebagai paling lengkap yang pernah dikemukakan (Nūr al-Dīn 'Itr, 1979).

### MENGHURAIKAN HADIS BERPANDUKAN KEPADA HADIS

Salah satu kaedah dalam menghuraikan atau mensyarahkan hadis ialah huraian berpandukan kepada hadis-hadis yang lain. Terdapat dua kategori hadis yang diguna pakai. Pertama, riwayat-riwayat yang berbeza bagi kisah yang sama. Kedua, hadis-hadis lain di dalam isu atau tajuk yang sama (Bassām, 2015). Riwayat-riwayat yang berbeza bagi hadis yang sama berlaku kerana periwayatan secara makna. Situasi ini menghasilkan pengolahan dalam susunan ayat dan perkataan (Amīn Al-Qudāt & Šaraf al-Qudāt 1999).

Huraian hadis menggunakan riwayat yang berbeza seperti mana dilakukan di dalam *Faṭḥ al-Bārī*:

عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَمَا هُوَ جَالِسٌ فِي الْمَسْجِدِ وَالنَّاسُ مَعَهُ إِذْ أَقْبَلَ ثَلَاثَةٌ نَفَرٍ، فَأَقْبَلَ اثْنَانِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَهَبَ وَاحِدٌ، قَالَ: فَوَقَفَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَمَّا أَحَدُهُمَا: فَرَأَى فُرْجَةَ فِي الْخَلْفَةِ فَجَلَسَ فِيهَا، وَأَمَّا الْآخَرُ: فَجَلَسَ خَلْفَهُمْ، وَأَمَّا الثَّلَاثُ: فَأَذْبَرِ دَاهِبًا، فَلَمَّا فَرَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكُمْ عَنِ النَّفَرِ الثَّلَاثَةِ؟، أَمَّا أَحَدُهُمْ فَأَوَى إِلَى اللَّهِ فَأَوَاهُ اللَّهُ، وَأَمَّا الْآخَرُ فَاسْتَحْيَا فَاسْتَحْيَا اللَّهُ مِنْهُ، وَأَمَّا الْآخَرُ فَأَعْرَضَ فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ (رواه البخاري).

Daripada Abī Wāqid al-Layṭī, bahawa Rasulullah SAW sedang duduk di masjid dan orang ramai bersama-samanya tiba-tiba datang tiga orang, lalu dua orang terus datang kepada Rasulullah SAW dan seorang berlalu pergi. Dia (perawi) berkata: dua orang itu berdiri hampir dengan Rasulullah SAW. Seorang daripadanya, dia melihat ruang di dalam halakah lalu dia duduk di dalamnya. Seorang lagi, dia duduk di belakang mereka. Orang ketiga, dia telah berpaling pergi. Apabila Rasulullah SAW selesai, Baginda bersabda: tidakkah kamu mahu aku memberitahu tentang tiga orang itu?. Seorang daripada mereka, dia pergi kepada Allah maka Allah pergi kepadanya. Orang kedua, dia malu maka Allah malu dengannya. Orang terakhir, dia berpaling daripada Allah maka Allah berpaling daripadanya (No. 66) (al-Bukhārī, 2002).

Terdapat dua kali 'datang' seperti mana yang diterangkan di dalam hadis. Pertama, tiga orang dan kedua hanya dua orang sahaja yang datang. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī mengulas bahawa terlebih dahulu tiga orang yang datang daripada jalan dan mereka pun masuk ke masjid untuk melaluinya. Kemudian barulah dua orang daripada mereka itu datang menghampiri Rasulullah SAW (Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, 1960). Ini berdasarkan kepada riwayat lain seperti yang terdapat di dalam Musnad *al-Baddār* mengenai kisah ini:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْطُ أَصْحَابَهُ فَإِذَا ثَلَاثَةٌ نَفَرٍ يَمْرُؤُونَ... (رواه البزار).

Daripada Anas, bahawa Rasulullah SAW sedang mengajar kepada sahabat-sahabatNya tiba-tiba tiga orang melalui... (No. 7343) (Al-Baddār, 1988).

Beliau turut membawa riwayat Tirmizi:

فَلَمَّا وَقَفَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَلَّمَا...

Ketika kedua-duanya berdiri dekat dengan Rasulullah SAW, mereka memberi salam... (No. 2724) (Al-Tirmidī, 1996).

Huraian hadis menggunakan hadis-hadis lain di dalam isu atau tajuk yang sama antaranya dapat dilihat di dalam al-Minhāj:

عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: عَادَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ مِنْ وَجَعِ أَشْقَمِثٍ مِنْهُ عَلَى الْمَوْتِ، فُكُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، بَلَّغْنِي مَا تَرَى مِنَ الْوَجَعِ، وَأَنَا ذُو مَالٍ، وَلَا يَرِيئِي إِلَّا ابْنَةٌ لِي وَاحِدَةٌ، أَفَأَتَصَدَّقُ بِمَالِي؟. قَالَ: لَا، قَالَ: فُلْتُ: أَفَأَتَصَدَّقُ بِشَطْرِهِ؟. قَالَ: لَا، التُّلْتُ، وَالتُّلْتُ كَثِيرٌ، إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ، خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ، وَلَسْتَ تُنْفِقُ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ، إِلَّا أَجَزْتَ بِهَا، حَتَّى اللَّقْمَةُ تَجْعَلُهَا فِي فِي امْرَأَتِكَ، قَالَ: فُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَعَلَّفْتُ بَعْدَ أَصْحَابِي، قَالَ: إِنَّكَ لَنْ تُخْلَفَ فَتَعْمَلُ عَمَلًا تَبْتَغِي بِهِ وَجْهَ اللَّهِ، إِلَّا أَرْدَدْتَ بِهِ دَرَجَةً وَرَفَعَهُ، وَلَعَلَّكَ تُخْلَفُ حَتَّى يُنْفَعُ بِكَ أَقْوَامٌ، وَيُضَرَّرَ بِكَ آخَرُونَ، اللَّهُمَّ أَمْضِ لِأَصْحَابِي هِجْرَتَهُمْ وَلَا تَرُدَّهُمْ عَلَى أَعْقَابِهِمْ، لَكِنَّ الْبَائِسُ سَعْدُ بْنُ حَوْلَةَ، قَالَ: رَأَيْتُ لَهُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَنْ تُؤْتَى بِمَكَّةَ (رواه مسلم).

Daripada Amir bin Saad, daripada ayahnya: dia berkata: Rasulullah SAW melawatku semasa *Hajjat al-Wada'* kerana sakit yang aku hampir mati kerananya. Aku berkata: wahai Rasulullah, aku telah sakit sebagaimana yang engkau lihat, dan aku orang yang berharta, tidak ada yang mewarisiku melainkan seorang anak perempuan, adakah aku boleh bersedekah dengan dua pertiga hartaku?. Baginda bersabda: tidak. Dia berkata: adakah boleh aku bersedekah dengan separuh daripadanya?. Baginda bersabda: tidak, satu pertiga dan satu pertiga itu pun banyak. Engkau meninggalkan ahli keluargamu dalam keadaan kaya lebih baik daripada negkau meninggalkan mereka dalam keadaan meminta-minta daripada orang. Tidaklah engkau membelanjakan suatu belanja yang engkau mengharapkan keredaan Allah melainkan engkau diganjari sehinggakan suapan yang engkau letakkannya pada mulut isterimu. Dia berkata: aku berkata: wahai Rasulullah, adakah aku akan ditinggalkan selepas sahabat-sahabatku pergi?. Baginda bersabda: tidaklah engkau dipanjangkan umur lalu engkau beramal dengan amalan yang engkau mengharapkan keredaan Allah melainkan ditambahkan kepadamu akan darjat dan ketinggian, dan mudah-mudahan engkau dipanjangkan umur supaya suatu golongan mendapat manfaat daripadamu dan suatu golongan mendapat mudarat denganmu. Ya Allah, sempurnakanlah untuk sahabat-sahabatKu hijrah mereka dan janganlah Engkau memalingkan mereka di atas tumit-tumit mereka, tetapi yang malang adalah Saad bin Khaulah. Dia (perawi) berkata: Rasulullah SAW meratapinya kerana dia mati di Mekah (No. 1628) (Muslim, 2006).

Imam al-Nawawi menyatakan mazhab syafie dan mazhab jumbuh berpendapat orang yang tidak mempunyai waris tidak boleh sama sekali mewasiatkan harta lebih daripada satu pertiga. Mereka berdalilkan kepada hadis ini dan hadis seorang yang memerdekakan enam orang hamba ketika sakit yang mana Nabi SAW hanya membenarkan dua orang dan mengekalkan empat lagi sebagai hamba (Al-Nawawī, 2009).

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ، أَنَّ رَجُلًا أَعْتَقَ سِتَّةَ أَعْتَبِدٍ عِنْدَ مَوْتِهِ، وَمِمَّا يَكُنُّ لَهُ مَالٌ غَيْرُهُمْ، فَبَلَغَ ذَلِكَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ لَهُ قَوْلًا شَدِيدًا، ثُمَّ دَعَاهُمْ فَجَرَّاهُمْ ثَلَاثَةَ أَجْرَاءَ، فَأَقْرَعَ بَيْنَهُمْ، فَأَعْتَقَ اثْنَيْنِ، وَأَرَقَّ أَرْبَعَةً (رواه أبو داود).

Daripada 'Imrān bin Ḥuṣayn bahawa seorang lelaki memerdekakan enam orang hamba ketika hampir mati dan dia tidak mempunyai harta selain mereka. Perkara itu sampai kepada Nabi SAW lalu Baginda memarahinya dengan amat sangat. Kemudian Baginda memanggil mereka lalu Baginda membahagikan mereka kepada tiga kumpulan. Baginda mengundi antara mereka itu. Kemudian Baginda memerdekakan dua orang dan mengekalkan empat orang sebagai hamba (No. 3958) (Abū Dāwūd, 2009).

Begitu juga semasa mengulas frasa di dalam hadis ‘sehinggakan suapan yang engkau letakkannya pada mulut isterimu’, beliau menyatakan perkara yang hukumnya harus jika diniatkan mendapatkan keridaan Allah akan menghasilkan pahala. Suapan suami kepada isteri adalah bermain-main dan berseronok. Hal ini jauh daripada ketaatan dan akhirat. Walaubagaimanapun, Nabi SAW memberitahu jika berniatkan keridaan Allah ia mendatangkan pahala. Misalnya, makan dengan niat menguatkan tubuh untuk melakukan ketaatan, tidur untuk berehat supaya bangun beribadah dengan segar, *istimā‘* dengan isteri untuk mendapatkan anak soleh dan menundukkan pandangan. Seterusnya dibawa hadis lain yang berhubungan untuk menguatkan hujahnya (al-Nawawī, 2009):

وَيُبْضِعُ أَحَدِكُمْ صَدَقَةً... (رواه مسلم).

Dan pada jimak kamu adalah kebaikan... (No. 1006) (Muslim, 2006).

### PERANAN HADIS DAIF DALAM MENENTUKAN MAKNA HADIS.

Sebahagian pengarang kitab syarah (*šurrah*) menerima hadis yang bertaraf daif dalam menentukan sesuatu makna hadis. Sekurang-kurangnya, ia memainkan peranan dalam dua situasi. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab-kitab syarah yang diletakkan sebagai rujukan berautoriti.

Pertama: Menyokong *tarjih* sesuatu makna hadis bersama dengan dalil-dalil syarak yang lain. *Tarjih* merupakan proses pemilihan salah satu daripada dua pandangan atau lebih yang difikirkan cenderung dan hampir kepada keseluruhan dalil (Muhammad al-Qadiri, 2019).

Contohnya huraian hadis di dalam *al-Tamhīd*:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا، وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ جَمِيعًا، فِي غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا سَفَرٍ. قَالَ مَالِكٌ: أَرَى ذَلِكَ كَانَ فِي مَطَرٍ (رواه الإمام مالك).

Daripada Abdullah bin Abbas, beliau berkata: Rasulullah SAW bersolat zohor dan asar dengan menjamakkannya, maghrib dan isyak dengan menjamakkannya, bukan kerana takut dan bukan kerana musafir. Malik berkata: aku berpendapat ia dalam keadaan hujan (No. 480) (Malik, 1985).

Ibn ‘Abd al-Bar menyatakan bahawa ijmak di kalangan ulamak tidak boleh sama sekali menjamakkan dua solat dalam keadaan *ḥaḍar* atau tidak bermusafir tanpa keuzuran. Kemudian beliau berkata diriwayatkan kepada kami daripada Nabi SAW hadis Ibnu Abbas yang daif. Lantaran itu, imam Malik berkata selepas meriwayatkan hadis, ‘aku berpendapat ia dalam keadaan hujan’ (Ibn ‘Abd al-Bar, 1976):

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْجُمُعُ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ مِنَ الْكِبَائِرِ (رواه البيهقي).

Daripada Ibn Abbas, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: menjamakkan dua solat tanpa uzur di antara dosa-dosa besar (No. 5561) (Al-Bayhaqī, 2003).

Di dalam huraianya, Ibn ‘Abd al-Bar beralasan kepada ijmak bersama hadis daif ini yang menyatakan jamak solat tanpa sebarang keuzuran adalah dosa besar untuk menentukan maksud ‘menjamakkan zohor dengan asar dan maghrib dengan isyak bukan kerana takut dan bukan kerana musafir’ ialah kerana sebab yang lain iaitu kerana hujan (Ibn ‘Abd al-Bar, 1976).

Kedua: Menjadi dalil bagi makna yang mempunyai kebarangkalian atau *iḥtimāl* di dalam sesuatu hadis di samping makna-makna yang lain.

قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، سَمِعْتُ مُعَاوِيَةَ، حَاطِبِيًّا يَقُولُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا أَنَا قَاسِمٌ وَاللَّهُ يُعْطِي، وَلَنْ تَزَالَ هَذِهِ الْأُمَّةُ قَائِمَةً عَلَى أَمْرِ اللَّهِ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفَهُمْ، حَتَّى يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ (رواه البخاري).

Humaid bin Abdul Rahman berkata: aku mendengar Muawiyah berucap, beliau berkata: aku mendengar Nabi SAW bersabda: sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan padanya, Dia akan memahamkannya (orang itu) di dalam agama, bahawasanya aku membahagi-bahagikan dan Allah yang memberi, dan umat ini akan terus tegak di atas urusan Allah, tidak memudaratkan mereka orang yang menyalahi mereka sehinggalah datang urusan Allah (No. 71) (al-Bukhārī, 2002).

Untuk menghuraikan frasa ‘Sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan padanya, Dia akan memahamkannya (orang itu) di dalam agama’, Ibn Hajar al-‘Asqalānī membawa hadis berikut:

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ أَبِي سُفْيَانَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يُغْلَبُ وَلَا يُجْلَبُ، وَلَا يُنْبَأُ بِمَا لَا يَعْلَمُ، مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَعَنْ لَمْ يُفَقِّهْ لَمْ يُبَلِّ بِهِ.

Daripada Muawiyah bin Abi Sufyan, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: sesungguhnya Allah Azza Wajalla tidak boleh dikalahkan, tidak boleh dicarik, tidak diberitahu apa yang Dia tidak tahu, sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan akannya Dia memahamkannya (orang itu) di dalam agama, dan sesiapa yang Dia tidak memahamkannya (akan agama), dia tidak akan dipedulikan (No. 3781) (Abū Ya‘lā al-Muṣīlī, 1984).

Beliau berhujah bahawa hadis ini bertaraf daif tetapi maknanya betul. Makna bagi frasa ‘dia akan tidak dipedulikan’ mempunyai kebarangkalian. Ini kerana orang yang tidak dipedulikan oleh Allah SWT semestinya terhalang daripada memperolehi kebaikan yang diharapkan (Ibn Hajar al-‘Asqalānī 1960).

## SYARAT-SYARAT HADIS DAIF YANG DIGUNAKAN UNTUK MENENTUKAN MAKNA HADIS.

Berdasarkan pemerhatian terhadap beberapa huraian terpilih daripada kitab-kitab syarah, terdapat tiga syarat yang ditetapkan untuk membolehkan sesuatu hadis daif diambil dalam menentukan makna hadis-hadis yang lain.

Pertama: Tidak Boleh Terlalu Daif.

Hadis terlalu lemah atau sangat daif adalah hadis yang kedaifannya disebabkan pembohongan, kefasikan, perawi yang sangat banyak kesalahan (*Fahsh al-Ghalath*) dan terdapat *šudūd* (al-Qārī n.d.; al-Tirmidī 1996; al-Murtaḍā al-Zayn, 1994). Pembohongan perawi samada sabit berbohong pada hadis Nabi SAW atau berbohong dalam percakapan harian (Maḥmūd al-Ṭahḥān 2011). Perawi yang fasik pula merupakan perawi yang melakukan dosa besar dan berterusan melakukan dosa kecil (Junāyḍ, 2006). Perawi yang dikategorikan sebagai sangat teruk kesalahannya bermaksud kesilapan hadis yang diriwayatkannya lebih banyak berbanding betul atau sama banyak di antara salah dan betul (Ḥusayn al-Yamanī, 1997). Manakala *šudūd* adalah percanggahan hadis yang diriwayatkan oleh perawi thiqat dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih thiqat (Al-Murtaḍā al-Zayn, 1994).

Hadis-hadis yang mempunyai ciri-ciri seperti ini tidak boleh menentukan atau menyokong sebarang makna. Hal ini dapat dilihat dalam kitab *Mir‘āt al-Mafāṭih*:

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا صَلَاةَ إِلَّا الْمَكْتُوبَةَ (رواه مسلم).

Dan daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Nabi SAW bersabda: apabila dilaungkan iqamat maka tidak boleh solat melainkan solat fardu (No. 710) (Muslim, 2006).

Hadis menerangkan larangan mendirikan sebarang jenis solat apabila bilal sudah melaungkan iqamat. Keharusan hanya diberikan untuk solat fardu bagi waktu itu. Dalam huraian, dibawakan hadis bertaraf terlalu daif yang menggambarkan Nabi SAW pernah melakukan perkara yang sebaliknya:

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُؤْتِرُ عِنْدَ الْأَذَانِ وَيُصَلِّي رُكْعَتَيْنِ عِنْدَ الْإِقَامَةِ (رواه أبو داود الطيالسي).

Daripada Ali RA, sesungguhnya Nabi SAW bersolat witir ketika azan subuh dan Baginda solat sunat dua rakaat ketika iqamat (No. 128) (Abū Dāwūd Al-Ṭayālīsī, 1999).

‘Ubaidullāh al-Rahmānī al-Mubārakfūrī menjawab dengan menyatakan hadis ini sangat daif dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Pada sanadnya terdapat seorang yang bernama al-Harith al-A‘awar. Dia perawi yang daif malah dituduh sebagai pembohong (Ubaidullāh al-Rahmānī al-Mubārakfūrī, 1984).

Kedua: Maksud Hadis Daif Tersebut Terkandung Di Dalam Mana-Mana Dalil Syarak.

Maksud hadis daif yang digunakan mesti dinyatakan secara langsung atau tidak langsung di dalam salah satu dalil syarak seperti al-Quran, hadis sahih, ijmak dan sebagainya. Di dalam al-Masālik, hadis berikut telah dihuraikan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا حَقَّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، لَهُ شَيْءٌ يُوصَى فِيهِ، يَبِيحُ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ عِنْدَهُ مَكْتُوبَةٌ (رواه الإمام مالك).

Daripada Abdullah bin Umar, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: tidak boleh seseorang muslim yang mempunyai sesuatu harta yang boleh diwasiatkan, dia bermalam selama dua hari, melainkan wasiat tertulis di sisinya (No. 2988) (Malik, 1985).

Hadis lain telah dibawa untuk menghuraikannya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ، عِنْدَ وَفَاتِكُمْ، بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ، زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ (رواه ابن ماجه).

Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya Allah bersedekah kepada kamu apabila kamu mati dengan satu pertiga daripada harta kamu untuk menambah amal kamu (No. 2709) (Ibn Mājah, 2015).

Menurut Ibn al-‘Arabī, hadis ini tidak sahih tetapi maknanya betul kerana bertepatan dengan maksud hadis sahih mengenai Saad bin Abi Waqqas:

عَنْ سَعْدِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي وَأَنَا مَرِيضٌ بِمَكَّةَ، فَعُلْتُ: لِي مَالٌ، أَوْصِي بِمَا لِي كُلِّهِ؟، قَالَ: لَا، قُلْتُ: فَالْشَّطْرُ؟، قَالَ: لَا، قُلْتُ: فَالْثُلُثُ؟، قَالَ: الثُّلُثُ وَالْثُلُثُ كَثِيرٌ، أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أُغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ... (رواه البخاري).

Daripada Saad RA, beliau berkata: Nabi SAW menziarahiku ketika aku sakit di Mekah. Aku berkata: aku mempunyai harta, aku mahu bersedekah hartaku seluruhnya. Baginda bersabda: tidak. Aku berkata: separuh?. Baginda bersabda: tidak. Aku berkata: satu pertiga. Baginda bersabda: satu pertiga, dan satu pertiga itu pun banyak, engkau meninggalkan ahli keluargamu dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam keadaan miskin menadah tangan kepada orang ramai... (No. 5354) (al-Bukhari, 2016).

Berdasarkan hadis Saad, Nabi SAW menetapkan hak waris di dalam harta orang yang sakit. Hanya satu pertiga yang boleh diperuntukkan untuk memenuhi hajat dan keperluan diri. Sebenarnya, jumlah tersebut sudah dikira besar. Makna ini mengesahkan hadis Abu Hurairah yang daif di mana Allah SWT membenarkan untuk bersedekah sebanyak satu pertiga apabila hampir dengan kematian. Kebenaran itu diumpamakan sebagai sedekah daripada Allah SWT untuk manusia menambah amal baik apabila mereka sudah mati (Ibn al-‘Arabī 2007).

### Ketiga: Makna Tidak Bercangguh Dengan Hadis Yang Lebih Kuat

Hadis-hadis daif tersebut tidak boleh menyanggah sama sekali dengan hadis yang lebih kuat. Percanggahan yang dimaksudkan ialah percanggahan yang tidak boleh diharmonikan. Ibn Hajar al-‘Asqalānī telah menghuraikan hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تُقَطَّعُ الْيَدُ فِي رُبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا (رواه البخاري).

Daripada Aisyah, Nabi SAW bersabda: dipotong tangan pada satu perempat dinar dan ke atas (No. 6789) (Al-Buḥārī, 2002).

Hadis lain yang dibawakan untuk menghuraikannya ialah:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا قَطْعَ فِيمَا دُونَ عَشْرَةِ دَرَاهِمٍ (رواه الإمام أحمد).

Daripada ‘Amru bin Syua’ib, daripada ayahnya, daripada datuknya, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: tidak dipotong tangan pada kurang daripada sepuluh dirham (No. 6900) (Aḥmad, 2001).

Satu perempat dinar bersamaan dengan tiga dirham. Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari menyebut hukuman potong tangan bagi pencuri sebanyak satu perempat dinar atau tiga dirham. Dalam pada itu, hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad menegaskan hudud bagi kesalahan curi hanya dilaksanakan pada kadar sepuluh dirham. Ibnu Hajar al-‘Asqalānī menyatakan hadis sepuluh dirham daif kerana terdapat perawi bernama Hajjaj bin Arthoah dan ia bercanggah dengan hadis Bukhari yang lebih kuat (Ibn Hajar al-‘Asqalānī 1960).

## KESIMPULAN

Hadis daif adalah hadis yang tidak mencapai tahap hadis-hadis yang boleh diterima sebagai hujah (*maqbul*). Terdapat empat jenis hadis *maqbul* iaitu: (1) Sahih atau Sahih Lizātihī; (2) Sahih Liḡayrihī; (3) Hasan atau Hasan Lizātihī dan (4) Hasan Liḡayrihī.

Sementara itu, salah satu kaedah menghuraikan hadis adalah menghuraikannya berpandukan kepada hadis-hadis yang lain. Dua kategori hadis yang diguna pakai iaitu pertama, riwayat-riwayat yang berbeza bagi kisah yang sama. Dan yang kedua, hadis-hadis lain di dalam isu atau tajuk yang sama

Berdasarkan kepada praktik kitab-kitab syarah, dua keadaan hadis daif memainkan peranan. Pertama: menyokong *tarjih* sesuatu makna hadis bersama dengan dalil-dalil syarak. Kedua: menjadi dalil bagi makna yang mempunyai kebarangkalian atau *iḥtimāl* di dalam sesuatu hadis di samping makna-makna yang lain.

Selain itu, tiga syarat telah ditetapkan terhadap hadis-hadis yang diguna pakai. Pertama, ia tidak boleh dikategorikan sebagai terlalu daif. Manakala kedua ialah maksud hadis tersebut dinyatakan oleh dalil yang lain. Dan yang terakhir ialah makna hadis tidak bercanggah dengan hadis yang berada pada martabat lebih tinggi.

Harapannya, pengamatan mengenai penggunaan hadis daif di dalam kitab-kitab syarah dapat diteruskan dengan lebih menyeluruh. Seperti yang sedia maklum, rujukan ini diketahui sebagai sumber yang berautoriti dalam memastikan makna sesuatu hadis. Kajian seumpama ini sangat signifikan untuk melihat praktik dan bukan sekadar teori yang berupaya menjadi panduan dalam menangani isu-isu berbangkit yang bersangkut paut dengan hadis daif pada masa akan datang.



**RUJUKAN**

- ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullāh al-Ḥudayr. 2004. *Al-Ḥadīth Al-Ḍa‘īf Wa-Ḥukm Al-Iḥtijāj Bihī*. 1st ed. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Aṣ‘aṭ. 2009. *Sunan Abi Dāwūd*. 1st ed. Kaherah: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.
- Abū Dāwūd Al-Ṭayālīsī, Sulaiman bin Dāwūd. 1999. *Al-Musnad*. 1st ed. Kaherah: Dār Hajar.
- Abū Ya‘lā al-Muṣīlī, Aḥmad bin ‘Alī. 1984. *Musnad Abī Ya‘lā Al-Muṣīlī*. 1st ed. Damsyik: Dār Ma‘mūn li-al-Turaṭ.
- Aḥmad bin Ḥanbal. 2001. *Al-Musnad*. 1st ed. Beirut: Mua’sasah al-Risālah.
- Al-Baddār, Aḥmad bin ‘Amru. 1988. *Al-Baḥr Al-Zāḥir*. 1st ed. Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa-al-Hikam.
- Al-Bayhaqī, Aḥmad bin Ḥusayn. 2003. *Al-Sunan Al-Kubrā*. 3rd ed. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Buḥārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. 2002. *Al-Jāmi‘ Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Muḥtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunaniḥī Wa-Ayyāmī*. 1st ed. Damsyik: Dār Ibn Kaṭīr.
- Al-Murtaḍā al-Zayn Aḥmad. 1994. *Manāḥij Al-Muhaddiṭīn Fī Taqwiyat Al-Aḥādīṭ Al-Ḥasanah Wa-Al-Ḍa‘īfah*. 1st ed. Riyadh: Maktabah al-Ruṣd.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Šaraf. 2009. *Al-Minhāj Fī Šarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin Al-Ḥajjāj*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah.
- Al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān. n.d. *Šarḥ Šarḥ Nuḥbat Al-Fikr*. Beirut: Dār al-Arqam.
- Al-Suyūṭī, Abdul Rahman bin Abu Bakar. 2005. *Tadrīb Al-Rāwī*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmiḍī, Muhammad bin ‘Īsa. 1996. *Sunan Al-Tirmiḍī*. 2nd ed. Kaherah: Matba‘ah al-Bābī al-Halabī.
- Al-Zarqānī, Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī. 2004. *Šarḥ Al-Zarqānī ‘Alā Al-Bayqūniyyah*. 2nd ed. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Amīn Al-Quḍāt & Šaraf al-Quḍāt. 1999. *Asbāb Taa‘ddud Riwayāt Al-Ḥadīṭ Al-Nabawī Al-Šarīf*. Amman: Dār al-Furqān.
- Bassām bin Ḥalil al-Safadi. 2020. *‘Ilm Šarḥ Al-Ḥadīṭ: Dirāsāt Ta’Šiliyyah Manhajiyyah*. 1st ed. Beirut.
- Ḥasan Muḥammad Maqbūlī al-Ahdal. 1999. *Muṣṭalah Al-Ḥadīṭ Wa-Rijālūhū*. 6th ed. Sana’a: Dār al-Jayl al-Jadīd.
- Ḥusayn bin Muḥsin al-Yamanī. 1997. *Al-Bayān Al-Mukammal Fī Al-Ḥadīṭ Al-Šāz Wa-Al-Mu‘Allal*. 1st ed. Riyadh: Dār al-‘Aṣimah.
- Ibn ‘Abd al-Bar, Yūsuf bin Abdullāh. 1976. *Al-Tamḥīd Limā Fī Al-Muwatta’ Min Al-Ma‘ānī Wa-Al-Asānīd*. Rabāṭ.
- Ibn al-‘Arabī, Muḥammad bin ‘Abdullāh. 2007. *Al-Masālik Fī Šarḥ Muwatta’ Mālik*. Beirut: Dār al-Ġarb al-Islāmī.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. 1960. *Fath Al-Bārī Šarḥ Ṣaḥīḥ Al-Buḥārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. 2015. *Sunan Ibn Mājah*. 2nd ed. Riyadh: Dār al-Ḥadārah.
- Junāyd Ašraf Iqbāl Aḥmad. 2006. *Al-‘Adālah Wa-Al-Ḍabt Wa-Aṭaruhumā Fī Qabūl Al-Aḥādīṭ Aw Raddihā*. 1st ed. Riyadh: Maktabah al-Ruṣd.

- Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. 2011. *Taysīr Muṣṭalah Al-Ḥadīṭ*. 9th ed. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Malik bin Anas. 1985. *Al-Muwatta'*. 1st ed. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabī.
- Muhammad al-Qadiri. 2019. *Raf'u Al-'Itab Wa-Al-Malam*. Amman: Dar al-Nur al-Mubin.
- Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhari. 2016. *Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Muḥtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunanihī Wa-Ayyāmī*. 1st ed. Karachi: al-Buhsra.
- Muslim bin Al-Ḥajjāj. 2006. *Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Muḥtaṣar Min Al-Sunan Binaql Al-'Adl 'An Al-'Adl 'An Rasūlillāh SAW*. 1st ed. Riyadh: Dār al-Ṭaybah.
- Muṣṭafā Abū Zayd Maḥmūd. 2013. *Al-Wajīz Fī 'Ilm 'Ilal Al-Ḥadīṭ*. 1st ed. Kuwait: Dār al-Ḍiyā'.
- Nūr al-Dīn 'Itr al-Ḥusnī. 1979. *Manhaj Al-Naqd Fī 'Ulūm Al-Ḥadīṭ*. 2nd ed. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Ubaidullāh al-Rahmānī al-Mubārakfūrī. 1984. *Mir'āt Al-Maḥāṭīḥ Ṣarḥ Miškāt Al-Masābīh*. 3rd ed. Varanasi.